

**Lapan Pelajar UPM Sumbang Malaysia 1 Emas, 4 Perak dan 1 Gangsa Sukan Asia Ke-16**

*Chai Fong Ying (tengah) membuka emas pertama negara dalam acara Taijiquan dan Taijijian sukan Wushu.*

**GUANGZHOU:** Lapan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyumbangkan satu pingat emas, empat perak dan satu gangsa buat negara dalam Sukan Asia Ke-16 di sini setakat ini.

Pingat emas pelajar UPM, Chai Fong Ying, 24, membuka emas pertama negara dalam acara Taijiquan dan Taijijian sukan Wushu dengan 19.36 mata menewaskan pencabar terdekat Miyaoka Ai dari Jepun (19.34) dan Men Ching Ni dari Taiwan (19.33).

Dua pingat perak disumbangkan oleh Leong Mun Yee, 26 dalam acara 3 meter papan anjal seirama dan acara terjun 10 meter platform.

Mun Yee yang bergandingan dengan Pandalela berjaya memperoleh kutipan 311 mata untuk berada di tempat kedua di belakang peserta China, Chen Ruolin dan Wang Hao yang mengutip 360 mata. Gangsa pula milik penerjun Korea Utara Choe Kum Hui dan Kim Un Yang dengan pungutan mata 284.64.



Mun Yee (kiri).

Menurut Mun Yee walaupun gagal memperolehi emas, dia tetap gembira membuktikan atlet Malaysia bertaraf dunia dan boleh menyaingi penerjun China.

Pingat perak ketiga diraih oleh pasukan hoki lelaki yang disertai oleh lima pelajar UPM apabila tewas kepada Pakistan 0-2 dalam perlawanan akhir.

Pingat perak keempat disumbangkan oleh Ivan Yuen Chee Wern dalam acara Squash berpasukan lelaki yang juga terdiri daripada Mohd. Azlan Iskandar, Ong Beng Hee dan Mohd Nafizwan setelah tewas kepada Pakistan 0-2.



Gaya menarik daripada Chai Fong Ying yang meraih emas pertama negara.

Satu pingat gangsa disumbangkan oleh Cheong Jun Hoong, 20, dalam acara 1 meter papan anjal dengan mengutip 271 mata di belakang dua penerjun China iaitu Wu Minxia (emas) dan Zheng Shuangxue (perak).

Seramai 44 pelajar UPM daripada 333 atlet Malaysia membentuk wakil teramai institusi pengajian tinggi dalam Sukan Asia kali ini iaitu dalam sukan memanah, olahraga, tenpin

boling, kriket, lumba basikal, terjun, hoki, ragbi, pelayaran, menembak, skuasy, renang, renang berirama, taekwando dan wushu.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Khairul Anuar Muhamad Noh), 03-89467469.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia